

18 MAY 2004

"SALAM PATRIOT" DIPENTASKAN DI ISTANA BUDAYA

JOHOR BAHRU, 18 Mei (Bernama) -- Teater muzikal "Salam Patriot" akan dipentaskan di Istana Budaya, Kuala Lumpur terlebih dahulu sebelum pementasan yang sama dibuat di tempat-tempat lain, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata teater muzikal itu menterjemahkan penglibatan 22 tahun bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam arena politik menerusi sebuah teater yang menarik, disulami dengan penyampaian lagu-lagu yang seiring dengan mesej yang ingin disampaikan dalam babak-babak tertentu.

"Isu-isu yang membabitkan Tun Dr Mahathir juga dapat digarap secara menyeluruh termasuklah yang membabitkan kerjayanya sebagai doktor, penulisan buku "Malay Dilemma", krisis politik Umno, campur tangan kuasa asing dalam ekonomi negara, pelampau agama dan isu-isu berkaitan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan preliu teater itu di Auditorium Penyiaran, Radio Televisyen Malaysia (RTM) di sini malam tadi.

Teater lebih dua jam itu menyaksikan gabungan kira-kira 100 orang tenaga produksi dan pelakon daripada Yayasan Warisan Johor (YWJ) serta anggota gabungan kumpulan-kumpulan teater Johor.

Abdul Ghani berkata usaha juga sedang dibuat untuk menjemput Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebagai tetamu kehormat pada pementasan teater tulisan dan arahan penulis veteran Johor Othman Zainuddin itu nanti.

Beliau berkata kerajaan negeri melalui YWJ juga akan berusaha mendapatkan slot pementasan di Istana Budaya secepat mungkin bagi membolehkan teater itu dipentaskan di seluruh Johor selepas itu.

"Jika diizinkan, kita juga berhasrat membawa teater muzikal ini di serata Johor dan beberapa tempat lain di seluruh negara, sebagaimana yang dilakukan oleh pementasan muzikal Datuk Onn," katanya.

-- BERNAMA

AK MNY ROS